

<b>Headline</b>	<b>MNS tubuh jawatan kuasa khas</b>		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	21 Oct 2012	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Section</b>	Nasional	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Page No</b>	43	<b>ArticleSize</b>	<b>294 cm<sup>2</sup></b>
<b>Language</b>	Malay	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,617</b>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>PR Value</b>	<b>RM 4,851</b>
<b>Frequency</b>	Daily		



# MNS tubuh jawatan kuasa khas

*Atasi masalah kepupusan spesies bakau perepat daun lebar, berus mata buaya*

**KUALA SELANGOR** -

Persatuan Pencinta Alam (MNS) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) dan Jabatan Perhutanan tubuhkan Jawatankuasa Kerja Khas tangani kepupusan spesis bakau perepat daun lebar dan berus mata buaya.

Presiden MNS, Profesor Maketab Mohamed berkata, pembangunan kilang tidak terkawal dan pencemaran berterusan menyebabkan kepupusan bakau seterusnya menganggu keseimbangan ekosistem hutan tumbuhan berkenaan.

"MNS aktif berkempen dan memelihara selain mendedahkan orang awam mengenai kepentingan bakau yang semakin terancam kerana fenomena semula jadi dan aktiviti manusia.

"Kita bertuah kerana banyak pihak tampil bantu dan

laksana tanggungjawab sosial korporat mereka termasuk

Volkswagen Malaysia dalam program MNS termasuk Pesta Sayap 2012 kali ini," katanya ketika Perasmian Pesta Sayap

2012 di Taman Alam Kuala Selangor.

Pesta Sayap 2012 itu jadi tarikan pelancong melihat lokasi tumpuan burung yang juga kawasan pemuliharaan menerusi empat ekosistem utama iaitu paya bakau, hutan sekunder, dataran lumpur dan tasik.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad, Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor, Azahari Sairin dan Pengarah Bahagian Pemasaran Volkswagen Malaysia, Petra Schreiber.

Menurut Maketab, generasi muda perlu bijak seimbangkan pembangunan dan penjagaan alam sekitar untuk pastikan keistimewaan bakau

terpelihara.

"Kita bertuah kerana hutan simpan bakau ini menjadi persinggahan burung migrasi

dari Jepun, Korea dan China sekali gus beri peluang kepada pencinta alam lihat lebih dekat pelbagai spesies burung.

"Teruskan pemeliharaan kerana jika tidak keunikan itu akan hilang," katanya.

Sejak dibuka pada 1987, MNS membangunkan Taman Alam Kuala Selangor sehingga menerima pengiktirafan Badan Hidupan Burung Antarabangsa iaitu antara 55 santuari burung terpenting dunia dengan 157 spesies sudah dikenal pasti.

Setiap tahun sepanjang Oktober, MNS menganjurkan Pesta Sayap dan memberi peluang kepada pengkaji burung seluruh dunia membuat perhatian spesies burung sekaligus gus mempromosikan keunikan daerah ini.



Maketab (kanan) mendengar penerangan Petra (dua, kanan) ketika perasmian Pesta Sayap 2012.